

# → PENDIDIKAN

PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DI EMPAT UA BAGI SESI 2016/2017

# 80 calon menang tanpa bertanding

• Proses pengundian berjalan lancar, kurang persaingan

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di empat universiti awam (UA) bagi sesi 2016/2017 yang diadakan semalam, berlangsung dalam suasana harmoni tanpa sebarang kejadian tidak diingini.

Tinjauan BH mendapati pemilihan MPP di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) menyaksikan kurang persaingan apabila banyak kerusi dimenangi tanpa bertanding.

Di UTM, sumber berkata, semua kerusi dimenangi Pro-Aspirasi (Pro-A) dengan 10 kerusi Umum menang tanpa bertanding, manakala 27 kerusi tidak dicabar di Kerusi Faikru.

"Kemenangan kali ini lebih cemerlang kerana Pro-A berjaya menyapu bersih semua kerusi diperlombakan berbanding sesi lalu yang menyaksikan tiga kerusi menjadi milik Pro-Mahasiswa (Pro-M) dan bebas."

"Namun, pemilihan kali ini agak hambar kerana tiada saingan berikutnya tiada calon daripada Pro-M dan bebas," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

## Guna sistem e-Undi

Sementara itu, di UMP, 13 calon mahasiswa diisytiharkan menang

tanpa bertanding selepas tiada persaingan bagi merebut kerusi MPP.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yusserie Zainuddin, berkata proses pemilihan kali ini berjalan lancar dengan 27 kerusi di pertandingkan iaitu sembilan Kerusi Umum dan 18 Kerusi Faikru. Katanya, pemilihan kali ini masih menggunakan sistem e-Undi yang digunakan sejak 2003, sekali gus memudahkan proses pengundian bagi mendapatkan keputusan segera.

Kira-kira 57.4 peratus daripada 10,281 mahasiswa keluar mengundi bagi memilih barisan kepimpinan mahasiswa membabitkan dua pusat undian iaitu di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan dan Dewan Astaka UMP Gambang.

Di USIM pula, 4,842 daripada 9,790 mahasiswa mengundi dengan peratusan keluar mengundi sebanyak 86.63 peratus.

Sebanyak 35 kerusi di pertandingangkan dengan 10 kerusi dimenangi tanpa bertanding, manakala calon kerusi umum bagi Faikru Sains dan Teknologi, Mohd Agil Irwan Abdul Mutalib diumumkan memperoleh undian tertinggi dengan 7,326 undi.

Susana pengundian di USIM juga didapati berjalan lancar yang mana semua calon bertanding menggunakan saluran media sosial untuk berkempeta sejak 23 September lalu.

Di UiTM pula, 48 kerusi diperlombakan dengan 20 kerusi di menangi tanpa bertanding.

[FOTO NAUFLA SAMUDIN/BH]



Antara pelajar yang membuat undi di pusat pengundian UMP kampus Gambang dan Pekan dalam pemilihan MPP bagi sesi 2016/2017, semalam.

Fakta nomor

**57.4 PERATUS**

daripada 10,281 mahasiswa UMP keluar mengundi

**8,482**

MAHASISWA  
daripada 9,790 mahasiswa USIM keluar mengundi